



**SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN, SARAWAK**

RIVERINE TRANSPORT (*PENGANGKUTAN SUNGAI*)

- 1. Can the Government provide hand sanitiser and disinfectant solution to all boat operators?**

Bolehkah kerajaan membekalkan cecair pembersih tangan anti kuman dan cecair khusus untuk proses nyahkuman kepada semua operator bot?

Hand sanitiser and disinfection solution are to be provided by the boat operators to ensure cleanliness and control of infectious diseases.

Cecair pembersih tangan anti kuman dan cecair khusus untuk proses nyahkuman adalah menjadi tanggungjawab setiap operator bot untuk menyediakan bahan tersebut bagi menjamin kebersihan dan kawalan daripada jangkitan penyakit di kalangan penumpang.

- 2. When can passenger boats operate full passenger capacity as before MCO?**

Bilakah bot-bot penumpang dibenarkan beroperasi dengan kapasiti penuh penumpang seperti sebelum PKP?

The operation of passenger boats in full capacity will be decided and announced the **State Disaster Management Committee (SDMC)** at the appropriate time.

*Bot-bot penumpang hanya boleh beroperasi kapasiti penuh setelah **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri** memberi kebenaran pada suatu masa yang dianggap sesuai kelak.*

3. Can we carry one or two passengers more than 50% load capacity if it is the last trip and passengers need to travel on emergency eg. Need hospitalization or family matters. If so, how to obtain approval?

Bolehkah membawa tambahan satu atau dua penumpang iaitu lebih daripada 50% kapasiti muatan yang dibenarkan. Jikalau ianya adalah trip terakhir dan penumpang tersebut perlu belayar atas keperluan kecemasan atau urusan keluarga. Jika ya, bagaimana cara untuk mendapatkan kebenaran tersebut?

In case of emergency as mentioned above or whichever is considered critical, it will be allowed to carry additional of max two (2) passengers on board after obtaining approval from **Sarawak Rivers Board (SRB)**.

*Dalam kes kecemasan seperti tersebut di atas atau mana-mana situasi yang dianggap kritikal, adalah dibenarkan untuk membawa penumpang tidak lebih dari dua (2) orang, selepas mendapatkan kebenaran dari **Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS)** bagi tujuan tersebut.*

4. Who is allowed to enter the terminal?

Siapakah yang dibenarkan memasuki kawasan terminal?

- i. All passengers, SRB staff, boat operators, boat driver and crews, porters and ticketing agents.
 - ii. Individual with body temperature below 37.5 degree Celsius
 - iii. Individual wearing face mask.
-
- i. Semua penumpang, staf Lembaga Sungai-Sungai Sarawak, Operator bot, krew bot, juragan, porter dan ejen tiket.*
 - ii. Mempunyai suhu badan kurang daripada 37.5 darjah Celsius.*
 - iii. Memakai pelitup muka / face mask.*

**MINISTRY OF TRANSPORT, SARAWAK
08 MAY 2020**